

Dalam masa sama jangan rasa diri sudah gah – Kok Chi

# 'Tidak perlu pertikai kehebatan Malaysia'

Oleh ZAZALI JAMIAN

sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 31 OGOS

**P**ENCAPAIAN 145 pingat emas yang diraih tuan rumah Sukan SEA Ke-29 harus diterima dengan baik oleh semua negara bertanding, namun dalam masa sama peminat sukan

tanah air diingatkan agar tidak meletak harapan tinggi terhadap atlet negara apabila beraksi dalam Sukan Asia 2018.

Penolong

Setiausaha Kehormat Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Sieh Kok Chi berkata, selepas tamat Sukan SEA Ke-29 banyak cakap belakang kedengaran, termasuk Thailand yang tidak berpuas hati dengan acara yang dipertandingkan tuan rumah.

"Mereka kata Malaysia tidak banyak pertandingkan acara yang boleh mereka kuasai, sebaliknya hanya meletakkan acara yang mampu dikuasai tuan rumah.

"Mengapa hanya selepas Sukan SEA bermula baru mereka hendak menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap acara yang dipertandingkan.

"Sebelum Sukan SEA mereka



SIEH KOK CHI



PENERJUN Malaysia menyapu bersih semua 13 pingat emas yang ditawarkan dalam KL2017, sekali gus memberi harapan besar pada Sukan Asia di Jakarta, tahun depan.

boleh menyuarakan rasa tidak puas hati dalam beberapa mesyuarat yang ada dan bukan selepas temasya berakhir," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Thailand menyuarakan rasa tidak puas hati menerusi ketua kontinjen mereka, Thana Chaiprasit yang mendakwa penganjuran Sukan SEA kali ini adalah paling teruk pernah disaksikan, terutama berkaitan keputusan pengadil dan acara

dipertandingkan.

Negara itu menamatkan kempen di kedudukan kedua dengan 72 emas, sekali gus gagal mencapai sasaran 100 emas.

Kok Chi turut mengingatkan, 145 emas yang diraih Malaysia tidak bermakna mereka gah atau boleh diletakkan sandaran tinggi apabila Sukan Asia berlangsung di Jakarta tahun depan.

Tegasnya, kejayaan Sukan SEA tidak boleh dijadikan ukuran kerana tahap temasya itu lebih rendah

berbanding Sukan Asia.

"Dalam Sukan Asia lebih banyak acara Olimpik dipertandingkan dan saingan juga kompetitif. Kita tidak boleh letak harapan tinggi biarpun muncul juara Sukan SEA 2017," tegasnya.

Acara yang sering menyumbang emas dalam Sukan Asia seperti karate, skuasy, boling, pelayaran dan berbasikal bagaimanapun cemerlang dalam KL2017, selain terjun serta memanah.